

12 APR 1996

Mahathir - Tanah

MAHATHIR ARAH SEGERAKAN PROSES LULUS TANAH INDUSTRI

KANGAR, 12 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya mempercepatkan proses meluluskan tanah untuk tujuan perindustrian.

Menurutnya, sesetengah kerajaan negeri mengambil masa terlalu lama sehingga ada yang menjangkau dua tahun untuk meluluskannya.

"Saya tak tahu apa mereka buat dalam masa dua tahun itu tetapi memang ada sesetengah tempat mengambil masa sehingga dua tahun," katanya pada majlis pecah tanah tapak kilang EnergoMAL Sdn Bhd di kawasan perindustrian Kuala Perlis dekat sini hari ini.

Kilang itu adalah pelaburan sulung sebuah syarikat Bosnia-Herzegovina secara usahasama dengan syarikat tempatan.

Energoinvest d.d. Sarajevo memiliki 30 peratus ekuiti syarikat itu manakala rakan kongsinya Revolutionary Technology Holdings Sdn Bhd memegang baki 70 peratus dalam pelaburan berjumlah RM21 juta itu.

Dr Mahathir berkata kelewatan memproses kelulusan tanah itu akan membantut pertumbuhan perindustrian di samping mengurangkan minat pelabur untuk menanam modal di negara ini.

Tegasnya, sekiranya Perlis dapat melakukan perkara itu dengan cepat, tidak ada sebab negeri-negeri lain tidak boleh berbuat demikian.

"Saya dimaklumkan Menteri Besar (Datuk Seri Shahidan Kassim) bahawa kerajaan negeri ini dapat meluluskan tanah perindustrian dalam tempoh satu hari, dua puluh empat jam. Sungguh menakjubkan," katanya.

Beliau yakin negara akan lebih maju jika proses itu dapat dilakukan dengan cepat seperti di Perlis.

"Ini kerana kita bergerak dengan cergas dan tidak mewujudkan pelbagai masalah yang menghalang pelaksanaan sesuatu projek," tambahnya.

Mengenai projek usahasama Bosnia-Malaysia itu, Perdana Menteri berkata ia mencerminkan kesungguhan syarikat-syarikat dari Bosnia untuk berkongsi pengalaman dan kepakaran dengan usahawan Malaysia.

"Saya mengalu-alukan pelaburan ini kerana ia melibatkan syarikat dari Bosnia yang sudi melabur di sini walaupun mereka menghadapi masalah di negara mereka.

"Jadi saya berharap syarikat-syarikat Malaysia pula sudi untuk melabur di Bosnia," tambahnya.

Dr Mahathir berkata semasa lawatannya ke Bosnia minggu depan, beliau akan mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Bosnia kerana dalam kesibukan untuk membangunkan semula negara, ada juga di antara rakyatnya yang sanggup datang ke Malaysia untuk melabur.

Beliau yakin projek itu akan berjaya dan dapat merapatkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

Mengenai Perlis, Perdana Menteri berpendapat negeri itu mempunyai banyak kelebihan daya saing di segi tenaga kerja dan suasana harmonis penduduknya.

Katanya, keadaan itu sudah tentu akan mencetuskan suasana yang baik untuk pelaburan dan dapat menentukan kejayaan setiap industri di negeri ini.

Beliau berharap para pekerja industri di Perlis akan berusaha menjadikan Perlis sebuah negeri cemerlang dalam bidang itu, yang pasti akan menjadi daya penarik kepada para pelabur lain.

Kilang EnergoMAL itu dijadual mula beroperasi Mac tahun depan untuk menghasilkan perkakasis bervoltan tinggi jenis "SF6 circuit breakers dan

SF6 current transformers".

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan Shahidan menyaksikan upacara menandatangani memorandum persefahaman bagi pembinaan kilang mengeluarkan menara transmisi elektrik di antara Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis (PKENPs) dan Revolutionary Technology. -- Bernama

MFJ ZAB